

## **Persepsi Staf Terhadap Amalan 5S Menurut Pendekatan Islam Hadhari. Kajian Di Pejabat Bendahari, UTM.**

Sulaiman Bin Kadikon & Liza Binti Narawi  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Konsep 5S merupakan satu kaedah yang mudah tetapi efektif dalam mengekalkan persekitaran yang berkualiti di tempat kerja. Konsep yang menjadi budaya kerja masyarakat Jepun ini semakin menjadi ikutan firma-firma di Malaysia dewasa ini. Kajian ini bermatlamat untuk mengetahui persepsi staf terhadap amalan 5S menurut pendekatan Islam Hadhari di kalangan staf Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia. Tiga objektif kajian telah dibentuk iaitu mengetahui tahap kefahaman staf terhadap amalan 5S, melihat persepsi staf terhadap perlaksanaan amalan 5S dan mengenalpasti keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Seramai 77 orang staf telah dipilih untuk mewakili sampel kajian. Set soal selidik mengandungi 36 item telah diedarkan kepada responden. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah  $\alpha = 0.9450$ . Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for Windows* versi 14.0 dan dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif seperti peratusan, kekerapan dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden memberikan persepsi yang positif terhadap persoalan kajian. Nilai min yang diperolehi ialah 4.61 bagi tahap kefahaman staf, 4.29 bagi perlaksanaan amalan 5S dan 4.67 bagi keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Cadangan turut dikemukakan untuk makluman dan perhatian kepada pihak tertentu bagi meningkatkan lagi prestasi persekitaran kerja.

**Abstract:** The 5S's concept is a simple and effective method used to maintain a quality environment in the workplace. The concept which is part of the Japanese culture, is now being embraced by Malaysian companies. The research was aimed to study the perception of 5S's practices based on Islam Hadhari approach among the staff at the office of Treasurer, UTM. There are three research objectives which were formed as to study the level of employees understanding towards 5S's practices, to see the perception of those employees towards the implementation of the practices and to identify the reconciliation of them through the Islam Hadhari approach. There were about 77 employees selected as to represent the samples. A set of questionnaire which contains 36 items were distributed to the respondents. The value of the research instrument's reliability was  $\alpha = 0.9450$ . The collected data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) For Windows version 14.0 software and presented in the form of descriptive statistics such as percentage, frequency and mean. The result of this study shows that the respondents have a positive perception towards the research objectives. The mean value obtained was 4.61 for the level of employees understanding, 4.29 for the implementation of the practice and 4.67 for the reconciliation of the 5S's practices via the Islam Hadhari approach. The suggestions were proposed to certain parties for information and to increase a quality environment in the workplace.

*Katakunci:* budaya kerja, Konsep 5S

### **Pengenalan**

Amalan 5S adalah satu amalan yang telah dipopularkan dan dipraktikkan oleh masyarakat Jepun. 5S merupakan ringkasan daripada lima perkataan Jepun iaitu Seiri (Organisasi), Seiton (Kemas), Seiso (Bersih), Seiketsu (Standard), dan Shitsuke (Disiplin). Ia disingkatkan kepada lima kunci utama yang lebih memfokus kepada kualiti persekitaran menyeluruh. Selain itu, amalan 5S memberikan faedah menjadikan pekerjaan lebih teratur, selamat dan selesa. ( Ho,1995).

## **Pernyataan Masalah**

Alam sekitar yang bersih akan memberikan persekitaran kerja yang bersih dan selesa. Ia sekaligus meningkatkan motivasi pekerja untuk menjalankan setiap tugas yang diamanahkan. Walau bagaimanapun, persekitaran yang tidak selesa akan menyebabkan produktiviti terjejas, dan bertambahnya kemalangan di tempat kerja. Ia merangkumi lanskap pejabat, termasuk rekabetuk pejabat dan kebersihan kerja memainkan peranan penting dalam menentukan motivasi pekerja.

Selain itu, amalan 5S merupakan satu sistem pengurusan kualiti yang ringkas iaitu pembersihan di tempat kerja atau lebih dikenali sebagai *housekeeping*. Namun, masih ada pekerja yang menganggap kerja-kerja ini merumitkan dan membuang masa. Ada sesetengah pekerja pula yang beranggapan amalan 5S adalah kerja remeh dan bukan tanggungjawab mereka untuk melaksanakannya.

Pelbagai masalah yang timbul dalam persekitaran kerja memerlukan satu penyelesaian yang terbaik sejajar dengan pendekatan Islam Hadhari menuju ke arah kehidupan yang berkualiti dalam semua aspek merangkumi kerohanian, material dan fizikal. Selain itu, kualiti kehidupan manusia tidak terbatas hanya kepada hubungan manusia sesama manusia sahaja malahan merangkumi hubungan manusia dengan alam persekitaran. Oleh itu, perancangan dan pembangunan dalam persekitaran hendaklah dilakukan secara seimbang dan terancang berpandukan pembangunan insan yang berteraskan nilai-nilai murni agama, dan atas dasar tanggungjawab terhadap alam.

Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji persepsi staf di Pejabat Bendahari terhadap amalan 5S bagi mengetahui sejauhmanakah kefahaman mereka terhadap amalan 5S? Apakah persepsi mereka terhadap perlaksanaan amalan 5S? Adakah wujud keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari?. Maka kajian ini diharapkan dapat memberikan kesedaran mengenai kepentingan amalan 5S dalam meningkatkan produktiviti dan persekitaran yang berkualiti. Ini kerana persekitaran yang baik dan selesa mampu meningkatkan motivasi pekerja dan menjalankan tugas dengan baik.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik. Objektif tersebut adalah:

- 1 Untuk mengetahui tahap kefahaman staf terhadap amalan 5S
- 2 Untuk melihat persepsi staf terhadap perlaksanaan amalan 5S
- 3 Untuk mengenalpasti persepsi staf terhadap keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari

## **Kepentingan kajian**

Diharapkan daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang tertentu bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman, perlaksanaan dan keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Hasil kajian ini akan dapat menjadi panduan kepada penyelidik dan organisasi bagi menzahirkan amalan 5S dalam persekitaran kerja.

## **Kepentingan Kepada Organisasi**

Kajian ini penting untuk memberikan kesedaran khususnya kepada organisasi perkhidmatan awam untuk menghasilkan satu persekitaran kerja yang berkualiti dan efektif. Selain itu, dapatan kajian ini membolehkan pihak organisasi mengambil langkah sewajarnya bagi meningkatkan kualiti pengurusan sistem organisasi. Hasil kajian juga menjelaskan keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari mampu mencapai prinsip Islam Hadhari iaitu ke arah kehidupan yang berkualiti.

## **Kepentingan Kepada Penyelidik**

Kajian ini mendatangkan kebaikan kepada penyelidik. Ini kerana selepas menjalankan kajian ini, penyelidik dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kepentingan amalan 5S dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif selaras dengan pendekatan Islam Hadhari.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan terhadap staf Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia. Mereka dipilih kerana telah lama menerapkan amalan 5S dalam budaya kerja seharian. Jumlah responden bagi kajian ini meliputi 77 orang yang mewakili populasi 110 orang staf Pejabat Bendahari.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengkaji tentang persepsi staf terhadap amalan 5S dari tiga aspek utama iaitu, kefahaman, perlaksanaan dan keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Oleh itu, segala keputusan kajian yang dijalankan ini hanya terbatas untuk jabatan ini sahaja dan tidak boleh disamakan dengan jabatan-jabatan lain.

## **Metodologi**

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Kajian ini memilih populasi yang terdiri daripada staf Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia. Menurut Puan Norazlina, selaku Penolong Pendaftar Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, jumlah keseluruhan staf di Pejabat Bendahari, Skudai adalah seramai 110 orang yang mewakili populasi. Manakala sampel terdiri daripada semua staf Pejabat Bendahari, UTM. Sampel jenis ini dikenali dengan Sampel Seluruh Populasi ( Mohamad Najib Abdul Ghaffar, 2003)

Walau bagaimanapun, hanya 77 orang responden daripada sampel kajian yang memulangkan semula borang soal selidik. Oleh itu, sampel kajian yang dikaji adalah seramai 77 orang yang merangkumi 70 peratus dari jumlah populasi. Jumlah sampel ini adalah bersesuaian kerana menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003), menyatakan bahawa jumlah minimum untuk sampel yang dipilih adalah sebanyak 30 peratus daripada jumlah populasi. Menurut beliau lagi, lebih besar saiz sampel adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data boleh dilakukan menggunakan dua sumber yang utama iaitu data primer dan data sekunder.

#### **1 Data Primer**

Data Primer adalah data mentah yang dikumpul sendiri oleh pengkaji melalui kaedah seperti pemerhatian, temubual dan soal selidik ( Lau dan Zainuddin, 2000). Ia adalah data mentah atau asli yang merupakan data penting untuk digunakan sebagai maklumat kajian. Dalam kajian ini, pengkaji memperolehi data daripada responden melalui soal selidik yang diedarkan dan dianalisis.

#### **Soal selidik**

Soal selidik merupakan satu siri soalan yang ditulis secara teratur dan menyediakan ruang untuk dijawab oleh responden. Maklumat boleh diperolehi melalui pengedaran soal selidik kepada responden.

Penggunaan borang soal selidik ini amat mudah, menjimatkan kos, masa dan penyelidikan boleh dilakukan kepada jumlah responden yang ramai.

Sebahagian item dalam soal selidik ini diperolehi dan diubah suai daripada Mohd Rozali (2005), mengikut keperluan dan kesesuaian tajuk ini. Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu A, B, C dan D. Berikut adalah item-item bagi setiap bahagian:

#### **i. Bahagian A : Latar Belakang Responden**

Mengandungi soalan mengenai profil peribadi seperti jantina, umur, bangsa, pendidikan, dan jawatan. Data pada bahagian ini akan digunakan sebagai maklumat kepada latar belakang kajian penyelidik.

#### **ii. Bahagian B, C dan D**

Bahagian ini mengandungi soalan yang bertujuan mengetahui tahap kefahaman staf terhadap amalan 5S, persepsi staf terhadap pelaksanaan amalan 5S, dan mengenalpasti keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari.

### **2 Data Sekunder**

Data-data sekunder amat sesuai bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperoleh melalui :

- i) Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah, (PSZ) UTM
- ii) Buku-buku di Pusat Sumber Al-Ghazali
- iii) Jurnal dan artikel majalah
- iv) Temuramah
- v) Internet

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dilakukan ke atas sampel kajian, pengkaji terlebih dahulu membuat kajian rintis terhadap soal selidik yang digunakan bagi mengumpulkan data dari responden. Seramai 10 orang responden terlibat dalam kajian rintis ini, iaitu terdiri daripada staf Fakulti Pendidikan. Ia bertujuan bagi mengukur nilai kebolehpercayaan instrument kajian (reliability) iaitu soalan soal selidik yang digunakan. Secara umumnya, kebolehpercayaan merupakan ukuran keupayaan sesuatu instrumen penyelidikan dalam mengukur permasalahan kajian secara konsisten setiap kali ianya digunakan.(Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir, 2001). Keputusan daripada analisis kajian rintis adalah 0.9450 iaitu menunjukkan keseluruhan item soal selidik mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

## Keputusan

**Jadual 1:** Rumusan dapatan kajian mengenai kefahaman staf terhadap amalan 5S.

NO	ITEM	(+)		N		(-)		MIN
		K	%	K	%	K	%	
1B	Amalan 5S mengkehendaki saya melakukan amalan Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Praktik dalam pekerjaan saya.	77	100	-	-	-	-	4.73
2B	Amalan Sisih memerlukan saya mengasingkan barang yang dikehendaki dengan barang yang tidak dikehendaki	77	100	-	-	-	-	4.73
3B	Amalan Susun memerlukan saya menyusun peralatan mengikut dokumen penyimpanan yang ditetapkan	75	97.4	2	2.6	-	-	4.7
4B	Amalan Sapu memerlukan saya memastikan persekitaran kerja sentiasa bersih.	77	100	-	-	-	-	4.78
5B	Amalan Seragam	71	92.2	4	5.2	2	2.6	4.65

	memerlukan saya mengekalkan amalan sisi, susun dan sapu							
6B	Amalan sentiasa praktik menjadikan saya berdisiplin, patuh dan berusaha menjaga kebersihan persekitaran kerja.	77	100	-	-	-	-	4.75
7B	Amalan 5S menjadikan susunan tempat kerja lebih bersih, kemas dan teratur.	77	100	-	-	-	-	4.79
8B	Pihak pengurusan menganjurkan pelbagai taklimat / kursus / program bagi menyalurkan maklumat – maklumat penting untuk melaksanakan 5S	69	89.6	4	5.2	4	5.2	4.32
9B	Pihak pengurusan memberikan penjelasan tujuan dan sebab organisasi melaksanakan amalan 5S	73	94.9	2	2.6	2	2.6	4.36
10B	Saya boleh menjelaskan objektif organisasi melaksanakan amalan 5S	77	100	-	-	-	-	4.32
Min Keseluruhan								4.61

N=77 [ (+)=Positif, N=Neutral, (-)=Negatif, K=Kekerapan]

Jadual di atas menunjukkan min bagi setiap soalan pada bahagian B. Bahagian ini menjawab persoalan objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengetahui tahap kefahaman staf terhadap amalan 5S. Majoritinya, semua soalan telah mencapai tahap min yang tinggi. Nilai min tertinggi adalah 4.79, dan tidak ada nilai min yang menunjukkan tahap rendah atau sederhana. Manakala, min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.61. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan objektif pertama mendapat maklumbalas positif daripada staf sebagai responden dalam kajian ini.

**Jadual 2:** Rumusan dapatan kajian mengenai persepsi staf terhadap perlaksanaan amalan 5S .

NO	ITEM	(+)		N		(-)		MIN
		K	%	K	%	K	%	
1C	Saya sentiasa mengasingkan peralatan yang sering digunakan dan jarang digunakan.	77	100	-	-	-	-	4.36
2C	Pengasingan peralatan yang perlu dan tidak perlu memakan masa yang lama.	41	53.2	18	23.4	18	23.4	3.35
3C	Pengasingan peralatan memudahkan saya menjalankan tugas.	77	100			-	-	4.39
4C	Saya melakukan penyusunan semula peralatan yang digunakan sebelum pulang.	77	100	-	-	-	-	4.31
5C	Saya melakukan penyusunan peralatan termasuklah peralatan untuk kegunaan harian.	72	94.5	5	6.5	-	-	4.14
6C	Penyusunan peralatan memudahkan pencarian peralatan.	77	100	-	-	-	-	4.53
7C	Tempat kerja saya sentiasa dalam keadaan bersih sebelum dan selepas kerja	77	100	-	-	-	-	4.48
8C	Kebersihan tempat kerja meningkatkan kecekapan kerja saya.	77	100	-	-	-	-	4.42
9C	Membersihkan tempat kerja adalah amalan hidup saya	77	100	-	-	-	-	4.44
10C	Pihak pengurusan memantau kebersihan persekitaran tempat kerja.	71	92.2	6	7.8	-	-	4.17
11C	Pihak pengurusan melibatkan diri dalam menjaga kebersihan persekitaran tempat kerja.	75	97.4	2	2.6	-	-	4.17

12C	Penyediaan jadual bertugas menjamin kebersihan persekitaran tempat kerja	71	92.2	4	5.2	2	2.6	4.26
13C	Amalan 5S dijalankan secara seragam di setiap bahagian di jabatan saya.	75	97.4	2	2.6			4.38
14C	Amalan 5S akan tetap dilaksanakan sehingga menjadi satu amalan dalam kerja saya.	77	100	-	-	-	-	4.55
15C	Amalan 5S sentiasa meningkatkan kecekapan kerja saya	73	94.8	2	2.6	2	2.6	4.34
Min Keseluruhan								4.29

N=77 [ (+)=Positif, N=Neutral, (-)=Negatif, K=Kekerapan]

Jadual 2 di atas menunjukkan analisis keseluruhan min bagi menjawab objektif yang kedua iaitu persepsi staf terhadap perlaksanaan amalan 5S. Dapat menunjukkan majoriti item mencatatkan jumlah min yang positif. Hanya item 12 mendapat nilai min yang neutral iaitu 3.35. Maka, secara keseluruhannya, majoriti item mendapat maklumbalas yang positif dari responden. Min keseluruhan yang diperolehi ialah 4.29 dan dapatkan ini menunjukkan persepsi staf terhadap perlaksanaan amalan 5S adalah ditahap yang positif.

**Jadual 3:** Rumusan dapatan kajian mengenai persepsi staf terhadap keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari.

NO	ITEM	(+)		N		(-)		MIN
		K	%	K	%	K	%	
1D	Kebersihan sebahagian daripada iman.	77	100	-	-	-	-	4.90
2D	Amalan 5S meningkatkan kebersihan kerja.	77	100	-	-	-	-	4.70
3D	Amalan 5S menjadikan pekerjaan saya lebih tenang dan seronok.	77	100	-	-	-	-	4.57
4D	Saya merasa selesa dan selamat dalam persekitaran kerja yang	77	100	-	-	-	-	4.52

	mengikuti amalan 5S.							
5D	Islam sentiasa menggalakkan umatnya bekerja dalam keadaan bersih dan selamat	77	100	-	-	-	-	4.80
6D	Saya sentiasa istiqamah dalam melakukan amalan 5S	77	100	-	-	-	-	4.39
7D	Istiqamah dalam amalan 5S meningkatkan kualiti kebersihan persekitaran kerja saya	77	100	-	-	-	-	4.52
8D	Kita dituntut untuk istiqamah dalam setiap kerja yang dilakukan	77	100	-	-	-	-	4.55
9D	Amalan 5S menjadikan kerja lebih sistematik dan berkesan.	77	100	-	-	-	-	4.60
10D	Amalan 5S meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja saya.	77	100	-	-	-	-	4.55
11D	Kecemerlangan dan penghasilan kerja yang berkualiti dituntut dari kita sebagai pekerja Islam	77	100	-	-	-	-	4.68
Min Keseluruhan								4.67

N=77 [ (+)=Positif, N=Neutral, (-)=Negatif, K=Kekerapan]

Berdasarkan jadual 3 di atas, dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhannya memberikan maklumbalas yang positif terhadap keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Ini dapat dilihat pada semua item yang mencatatkan jumlah min yang positif. Min keseluruhan yang diperolehi ialah 4.67 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini membuktikan bahawa amalan 5S yang dilaksanakan adalah selaras dengan pendekatan Islam Hadhari.

### Perbincangan

#### Tahap Kefahaman Staf Terhadap Amalan 5S

Soalan-soalan bagi mengetahui tahap kefahaman staf terhadap amalan 5S diperolehi daripada bahagian B yang mengandungi sebanyak 10 soalan. Soalansoalan ini dibahagikan kepada 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Bagi soalan yang mendapat nilai tidak setuju dan sangat tidak setuju, adalah diandaikan responden mempunyai tahap pemahaman yang rendah terhadap

amalan 5S. Manakala jika mereka setuju dan sangat setuju, ini bermakna mereka mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap amalan 5S. Sementara itu, soalan yang mendapat nilai min kurang setuju pula diandaikan bahawa responden mempunyai tahap pemahaman yang sederhana terhadap amalan 5S.

Berdasarkan kajian ke atas 77 orang responden yang melibatkan staf Pejabat Bendahari, Universiti Teknologi Malaysia, penyelidik mendapati tahap pemahaman staf terhadap amalan 5S adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan dari item 1 hingga 10 pada bahagian B yang dianalisis oleh penyelidik bagi mencapai objektif yang ditetapkan pada bab 1 sebelum ini. Secara keseluruhannya, responden menunjukkan tahap pemahaman yang positif terhadap amalan 5S dengan minnya 4.61.

Berdasarkan dapatan soal selidik pada bahagian B, item 1 menunjukkan keseluruhan responden iaitu 100% bersetuju bahawa amalan 5S adalah satu amalan yang mengkehendaki mereka melaksanakan Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Praktik. Seterusnya, item 2 hingga 6 menyokong pernyataan ini dengan memberikan definisi setiap item S.

Semua responden iaitu 100% bersetuju bahawa S yang pertama iaitu Sisih memerlukan mereka mengasingkan barang yang dikehendaki dengan barang yang tidak dikehendaki. Seterusnya, 97.4% bersetuju bahawa S yang kedua iaitu Susun memerlukan mereka menyusun peralatan mengikut dokumen penyimpanan yang ditetapkan. Selain itu, 100 % responden bersetuju bahawa amalan Sapu iaitu S yang ketiga memerlukan mereka memastikan persekitaran kerja sentiasa bersih. Manakala, amalan S yang keempat iaitu Seragam, memerlukan mereka mengekalkan amalan Sisih, Susun dan Sapu, turut mendapat persetujuan 100% responden. Responden turut bersetuju 100% bahawa amalan Sentiasa Praktik menjadikan mereka berdisiplin, patuh dan berusaha menjaga kebersihan persekitaran kerja.

Oleh itu, hasil kajian mendapati, bahawa staf Pejabat Bendahari, UTM memahami definisi amalan 5S dengan baik. Definisi yang dipersetujui selari dengan pendapat Zulkifley Mohamed (2002) bahawa amalan 5S adalah ringkasan daripada aktiviti Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Praktik.

Seterusnya, kajian turut mendapati 100 % responden bersetuju bahawa amalan 5S menjadikan susunan tempat kerja lebih bersih, kemas dan teratur. Ini menunjukkan tahap kefahaman staf tentang kepentingan amalan 5S adalah tinggi. Dapatkan ini selari dengan pendapat Sumirah (2003) iaitu amalan 5S bukan sahaja meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif, tetapi turut menjana proses pemikiran sihat daripada persekitaran kerja yang bersih.

Selain itu, 89.6% respon bersetuju bahawa pihak pengurusan menganjurkan pelbagai taklimat/ kursus/ program bagi menyalurkan maklumat-maklumat penting untuk melaksanakan 5S. Seterusnya 94.9% bersetuju bahawa pihak pengurusan memberikan penjelasan tujuan dan sebab organisasi melaksanakan amalan 5S. Kerjasama dan perhatian daripada pihak atasan menyebabkan 100% responden bersetuju bahawa mereka boleh menjelaskan objektif organisasi melaksanakan amalan 5S. Dapatkan ini menyokong dapatan Mohd Rozali (2005) iaitu kejayaan amalan 5S adalah bergantung kepada penglibatan semua peringkat pekerja, termasuk pengurus atasan, pertengahan, penyelia dan pekerja paling bawah.

### **Persepsi Staf Terhadap Perlaksanaan 5S**

Pada bahagian C, penyelidik telah mengemukakan sebanyak 15 soalan untuk mengetahui persepsi staf terhadap pelaksanaan amalan 5S. Keseluruhannya pada bahagian C, responden menunjukkan persepsi yang positif dengan purata min keseluruhan ialah 4.29. Untuk penjelasan selanjutnya,uraian mengikut prinsip 5S akan dinyatakan satu persatu.

## **1 Sisih (Seiri)**

Penyataan 1 hingga 3 adalah berkaitan amalan Sisih. Hasil kajian mendapati majoriti 100% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa mengasingkan peralatan yang sering digunakan dan jarang digunakan. Selain itu, 53.2% responden bersetuju bahawa pengasingan peralatan yang perlu dan tidak perlu memakan masa yang lama. Walau bagaimanapun, 100% responden bersetuju bahawa pengasingan peralatan memudahkan mereka menjalankan tugas. Dapatkan ini selari dengan pendapat Norain (2002) bahawa dengan mengasingkan peralatan, kerja akan lebih mudah dilaksanakan dan produktiviti kerja akan meningkat.

## **2 Susun (Seiton)**

Seterusnya, pernyataan 4 hingga 6 adalah berkaitan amalan Susun. Dapatkan kajian mendapati 100% responden bersetuju bahawa mereka melakukan penyusunan semula peralatan yang digunakan sebelum pulang. Selain itu, 94.5% bersetuju bahawa penyusunan peralatan yang dilakukan, termasuklah peralatan untuk kegunaan harian. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti 100% responden bersetuju bahawa penyusunan peralatan memudahkan pencarian peralatan. Dapatkan ini diperakui oleh Ho (1995), dengan memberikan contoh bahawa amalan sisih membolehkan pekerja mendapatkan benda yang diinginkannya dalam masa 30 saat sahaja dan meletakkannya kembali dengan mudah.

## **3 Sapu ( Seiso)**

Bagi pernyataan 7 hingga 9, adalah berkaitan amalan Sapu. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga item mendapat persetujuan 100% daripada responden. Majoriti responden merasakan tempat kerja mereka sentiasa dalam keadaan bersih sebelum dan selepas kerja. Ini kerana kebersihan tempat kerja meningkatkan kecekapan kerja sekaligus menjadi amalan hidup mereka. Persetujuan ini menunjukkan tahap perlaksanaan amalan sapu adalah tinggi dan kebersihan menjadi keutamaan dalam sistem kerja di Pejabat Bendahari. Dapatkan ini disokong oleh Noraini (2001) yang bersetuju bahawa amalan 5S merupakan kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kebersihan dan kekemasan kerja.

## **4 Seragam ( Seiketsu)**

Seterusnya, pernyataan 10 hingga 12 adalah berkaitan amalan Seragam. Majoriti 92.2% responden bersetuju bahawa pihak pengurusan sentiasa memantau kebersihan persekitaran tempat kerja. Selain itu, 97.4% bersetuju bahawa pihak pengurusan turut melibatkan diri dalam menjaga kebersihan persekitaran tempat kerja. Manakala 92.2% bersetuju bahawa penyediaan jadual bertugas menjamin kebersihan persekitaran kerja. Atas sebab itu, jadual bertugas mengikut zon turut disediakan di Pejabat Bendahari bagi menjamin keberkesanan perlaksanaan amalan 5S.

## **5 Sentiasa Praktik ( Shitsuke)**

Bagi pernyataan 13 hingga 15 adalah berkaitan amalan Sentiasa Praktik. Bagi menjayakan amalan 5S, 97.4% bersetuju bahawa amalan 5S dijalankan secara seragam di setiap bahagian di jabatan mereka. Penyeragaman ini mendorong 100% responden bersetuju bahawa amalan 5S akan tetap dilaksanakan sehingga menjadi satu amalan dalam kerja. Hal ini kerana 94.8% menyedari amalan 5S sentiasa meningkatkan produktiviti kerja. Ini selari dengan pendapat Chek Mat ( 1996 ) bahawa produktiviti dan kualiti tidak berlaku dengan sendirinya. Ia dihasilkan melalui tindakan dan pelaksanaan dengan teliti, bijaksana dan sistematik. Oleh itu, penyeragaman 5S di setiap jabatan adalah salah satu kaedah yang sistematik ke arah mendisiplinkan dan membiasakan pekerja terhadap amalan 5S.

## **Persepsi Staf Terhadap Keselarasan Amalan 5S Dengan Pendekatan Islam Hadhari**

Sebanyak 11 item telah dibina bagi mengkaji persoalan kajian yang ketiga ini. Daripada dapatan kajian yang diperolehi, majoriti responden memberi persepsi yang positif terhadap keselarasan amalan 5S dengan tuntutan Islam dengan nilai min keseluruhan iaitu sebanyak 4.67.

Bagi item 1 dan 2 adalah berkaitan kebersihan. Analisis bagi item ini menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.90 dan 4.70. Kajian mendapat majority 100% responden bersetuju bahawa kebersihan sebahagian daripada iman. Berikutan daripada item 1, ia menyokong item 2 yang menyatakan amalan 5S meningkatkan kebersihan kerja. Pernyataan ini turut mendapat persetujuan 100% daripada responden. Hal ini menunjukkan, wujudnya nilai kesedaran responden terhadap kebersihan persekitaran kerja. Oleh itu, cara yang terbaik adalah dizahirkan melalui amalan 5S.

Di samping itu, kajian mendapat item 3 hingga item 5 mendapat persetujuan 100% daripada responden. Responden bersetuju bahawa amalan 5S menjadikan pekerjaan mereka tenang, seronok, selesa dan selamat. Hal ini bertepatan dengan galakan Islam supaya umatnya sentiasa bekerja dalam keadaan bersih dan selamat.

Seterusnya, majoriti 100% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa istiqamah dalam melakukan amalan 5S. Hal ini kerana, Istiqamah dalam amalan 5S meningkatkan kualiti kebersihan persekitaran kerja dan mendapat persetujuan 100% daripada responden. Selain itu, 100% responden juga bersetuju bahawa Istiqamah dalam setiap kerja yang dilakukan adalah tuntutan Islam. Dapatkan ini selari dengan pandangan Dr. Sayed Othman Al Habshi bahawa Islam menganjurkan supaya umatnya melakukan sesuatu itu biar sedikit tetapi berterusan, sehingga menjadi kebiasaan.

Selain itu, item 9 hingga item 11 turut mendapat persetujuan 100% responden. Majoriti responden bersetuju bahawa amalan 5S menjadikan kerja lebih sistematik dan berkesan sekaligus meningkatkan kualiti dan kecemerlangan kerja. Tambahan pula, sebagai pekerja Islam, kecemerlangan dan penghasilan kerja yang berkualiti amat dituntut dalam Islam. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ  
بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia”.

( Surah Al-Ra'd, 13:11)

## **Rumusan**

### **Tahap Kefahaman Staf terhadap amalan 5S**

Secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap amalan 5S. Nilai min keseluruhan ialah 4.61. Hal ini menyebabkan responden memahami definisi 5S dengan mendalam dan mampu menghuraikan maksud setiap item S dengan baik. Kesannya, responden

memahami bahawa amalan 5S penting untuk menjadikan susunan tempat kerja lebih bersih, kemas dan teratur. Selain itu, penglibatan pihak atasan yang menganjurkan pelbagai aktiviti turut meningkatkan kefahaman staf terhadap amalan 5S sehingga mampu untuk menjelaskan objektif organisasi melaksanakan amalan 5S.

### **Persepsi Staf terhadap Perlaksanaan Amalan 5S**

#### **i. Sisih**

Bagi tahap amalan Sisih, ia berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna, konsep pengasingan peralatan yang sering digunakan dan jarang digunakan telah dilakukan dengan baik. Walau bagaimanapun, majoriti responden beranggapan bahawa amalan ini memakan masa yang lama tetapi apabila sentiasa diamalkan, memudahkan mereka dalam menjalankan tugas.

#### **ii. Susun**

Amalan susun turut berada pada min yang tinggi. Ini menunjukkan majoriti responden sentiasa melakukan penyusunan semula peralatan sebelum pulang termasuklah peralatan harian. Hal ini kerana, mereka menyedari bahawa penyusunan semula peralatan akan memudahkan dan mempercepatkan proses pencarian semula peralatan.

#### **iii. Sapu**

Sapu bermaksud pembersihan tempat kerja. Amalan ini berada pada tahap yang tinggi di kalangan responden. Majoriti responden mengakui bahawa tempat kerja mereka sentiasa dalam keadaan bersih sebelum dan selepas kerja. Ini kerana, majority responden menyedari kebersihan tempat kerja meningkatkan kecekapan kerja dan menjadi satu amalan hidup yang baik.

#### **iv. Seragam**

Seragam adalah amalan yang mengekalkan amalan sisih, susun dan sapu. Oleh itu, pemantauan dan penglibatan pihak pengurusan dalam menjaga kebersihan persekitaran kerja mampu mengekalkan amalan sisih, susun dan sapu. Tambahan pula, penyediaan jadual bertugas mampu menjamin kebersihan persekitaran kerja.

#### **v. Sentiasa Praktik**

Amalan sentiasa praktik turut mendapat tahap yang tinggi. Majoriti responden melihat amalan 5S sebagai satu jalan ke arah meningkatkan produktiviti kerja sehingga menjadi satu amalan hidup yang baik. Tambahan pula, penyeragaman amalan tersebut di setiap bahagian memperlihatkan bahawa disiplin terhadap persekitaran kerja yang kemas adalah hasil daripada sikap dan tabiat responden dan warga Pejabat Bendahari.

Secara keseluruhannya, kelima-lima item 5S menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi. Justeru dapat disimpulkan di sini bahawa persepsi staf Pejabat Bendahari terhadap perlaksanaan amalan 5S adalah di tahap yang positif. Hasil menunjukkan pekerja melaksanakan 5S dipersekutuan kerja adalah bertujuan untuk mendapatkan persekitaran kerja yang berkualiti. Hal ini dibuktikan dengan kejayaan Pejabat Bendahari sebagai *Pioneer* bagi IPTA seluruh Malaysia dan sebagai jabatan awam pertama di Johor yang menerima pengiktirafan persijilan 5S.

### **Persepsi Staf terhadap keselarasan amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari**

Secara keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa wujudnya keselarasan antara amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari. Hal ini terbukti melalui dapatan yang menunjukkan 100% responden bersetuju dengan hubungan antara amalan 5S dengan pendekatan Islam Hadhari ke arah kehidupan berkualiti dan akhlak yang murni merangkumi kebersihan, keselamatan, istiqamah dan kecemerlangan.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Mohd Nakhaie Ahmad (2004), bahawa fokus Islam Hadhari adalah menuju ke arah proses peradaban yang seimbang dan sepadu bagi melahirkan umat yang berilmu, berakhlak mulia dan bertamadun tinggi tanpa melakukan kerosakan di muka bumi.

## Rujukan

- Abd Manaf Bin Haji Ahmad (2004), *Islam Hadhari Dalam Negara Islam*. Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia.
- Abdul Halim Hj. Mat Diah (2006), *Peranan Intelektual Muslim Dalam Penerapan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Mukmin Abdul Ghani (2006), *Sistem Pengurusan Islam: Tinjauan Menyeluruh Dari Aspek Konsep*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (2005), *Pengurusan Perkhidmatan Awam di Malaysia, Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Asmadi Mohamed Naim (2003), *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam* Universiti Utara Malaysia
- Chek Mat (2000), *Pengurusan Kualiti dan Perkhidmatan* Kuala Lumpur: Utusan Publication
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadillah Mansor (2006), *Kualiti Kerja Dalam Organisasi : Tinjauan Dari Perspektif Pengurusan Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasyidi Mohd Rani Basher (1995), *Kajian Ke atas Sistem Keselamatan Pekerja Di Bahagian Pengeluaran North Malaya Paper Mill*, Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda
- Masaaki Imai (1986), *Kaizen :The Key To Japan Competitive Success* ,New York Mc Graw-Hill 1998.
- Mohamad Kamil Hj. Ab Majid (2006), *Memahami Pendekatan Islam (Din) Hadhari Dari Perspektif Pemikir Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan Skudai* , Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Rozali Tomijan ( 2005), *Amalan 5S dan Hubungannya Dengan Kualiti Persekutaran di Tempat Kerja. Kajian di Telekom Malaysia Berhad*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2003), *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows* .Kuala Lumpur: Venton Publishing
- Muhammad Iqbal Abideen (2005), *Islam Hadhari Relevan Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar.